



## Pakej Musim Sejuk 12H 9M MOROCCO + SPAIN + PORTUGAL

MARRAKESH - CASABLANCA - RABAT - TANGIER - TARIFA - GIBRALTAR -  
GRANADA - CORDOBA - SEVILLE - LISBON - SINTRA - CACERES - MADRID - TOLEDO

MOROCCO

SPAIN

PORTUGAL



### JADUAL ATURCARA PENUH

SP Sarapan Pagi  
MT Makan Tengahari  
MM Makan Malam



Penerbangan



Kapal Persiaran / Feri



Bas Persiaran



#### Hari 1

##### KUALA LUMPUR - ISTANBUL

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi penerbangan ke Casablanca melalui Istanbul.



#### Hari 2 MT + MM

##### ISTANBUL - CASABLANCA - MARRAKESH

Setibanya di Lapangan Terbang Casablanca, makan tengahari dan bertolak menuju ke kota **Marrakesh** yang dahulunya merupakan sebuah bandar diraja. Tetamu diberi masa bebas di kawasan yang digezot sebagai UNESCO Masterpiece of World Heritage iaitu **Djemaa El-Fnaa Square** yang merupakan sebuah dataran bazaar dan souk popular yang terletak di **Old Medina**. Tetamu berpeluang membeli-belah jubah, tudung, barangan seramik, barang kemas dan mencuba pelbagai makanan tempatan yang enak serta melihat kepelbagaian budaya dan cara hidup masyarakat tempatan. Selepas itu, tetamu akan dibawa makan malam dan daftar masuk hotel.



#### Hari 3 SP + MT + MM

##### MARRAKESH - CASABLANCA - RABAT

Bersarapan pagi di hotel. Lawatan di kota Marrakesh dimulakan ke **Bahia Palace**, sebuah istana yang tersergam cantik dengan 160 buah bilik yang dibina pada akhir kurun ke-19 dan merupakan seni bina gabungan Islam dan tradisional Maghribi terbaik yang pernah dibina. Seterusnya melawat **Koutoubia Mosque**, ikon kota Marrakesh yang digelar sebagai 'masterpiece' puak Al-Mohades yang merupakan masjid utama di kota ini dan memiliki sebuah menara setinggi 77m dan **Tombeaux Saadiens** yang merupakan makam kerabat diraja. Makan tengahari dan bertolak menuju ke **Casablanca**, kota terbesar di Morocco yang diasaskan oleh kaum nelayan Berber pada abad ke-10 SM dan bersolat di **Hassan II Mosque**, masjid kelima terbesar di dunia yang mampu memuatkan seramai 105,000 jemaah dengan menara setinggi 689 kaki, merupakan menara masjid tertinggi di dunia. Meneruskan perjalanan ke **Rabat**, makan malam dan daftar masuk hotel.



#### Hari 4 SP + MT + MM

##### RABAT- TANGIER

Selepas bersarapan pagi, lawatan di ibu negara Morocco ini dimulakan ke **Kasbah of The Udayas** yang merupakan sebuah kubu pertahanan dan istana kediaman pemimpin semasa zaman pemerintahan Khalifah Almohad. Kubu yang terletak di muara Sungai Bou Regreg ini dibina seawal kurun ke-12 dan merupakan salah satu tarikan yang unik di bandar diraja Rabat. Melawat **Hassan Tower**, sebuah menara kepada masjid yang tidak siap dibina selepas kemangkatan Sultan Yacub al-Mansour. Menara yang dibina daripada batu pasir berwarna merah ini terletak bertentangan dengan **Mausoleum of Mohamed V** yang menempatkan makam King Mohamed V serta dua anaknya iaitu King Hassan II dan Putera Abdallah. Makan tengahari dan perjalanan diteruskan ke Tangier yang terkenal sebagai kota pelabuhan di Selat Gibraltar. Setibanya di **Tangier**, tetamu akan dibawa melawat Cave of Hercules, sebuah gua yang mempunyai pintu yang berhadapan dengan lautan Atlantik yang mana cukup terkenal dengan bentuknya yang ganjil seolah-olah menyerupai peta benua Afrika. Di atas **Cave of Hercules** terletak **Cape Spartel** di mana tetamu boleh mengambil gambar panorama Selat Gibraltar. Kemudian, tetamu akan dibawa makan malam dan daftar masuk hotel.



#### Hari 5 SP + MT + MM

##### TANGIER-TARIFA-GIBRALTAR-GRANADA

Sarapan pagi di hotel dan bertolak menaiki feri merentasi Selat Gibraltar untuk ke **Tarifa**, sebuah kota yang terletak di bahagian paling selatan Sepanyol di mana lautan Atlantik bertemu dengan

Mediterranean. Setibanya di Tarifa, bertolak menuju ke **Rock of Gibraltar**, batuan besar yang terletak di Tanjung Gibraltar yang menjanjikan pemandangan mengagumkan pesisiran pantai dan panorama indah kota Gibraltar. Kemudian tetamu akan dibawa makan tengahari dan menunaikan solat di **Fuengirola Mosque** sebelum menuju ke **Granada**, salah satu bandar di rantau Al-Andalus yang cukup terkenal di serata dunia dengan ikonnya iaitu Istana Alhambra. Sejurus tiba di Granada, tetamu dibawa makan malam dan daftar masuk hotel.



#### Hari 6 SP + MT + MM

##### GRANADA - CORDOBA - SEVILLE

Tetamu akan menikmati sarapan pagi di hotel sebelum bertolak menuju ke **Alhambra Palace** yang asalnya dibina sebagai kubu sebelum diubahsuai menjadi istana oleh pemerintah Kerajaan Granada Nasri yang berbangsa Moorish. Merupakan sebuah mercu tanda terhebat yang pernah dibina oleh kerajaan Islam di Sepanyol, Alhambra adalah pintu kepada budaya Moor pastinya menjanjikan pemandangan yang cukup indah dengan ukiran dinding kaligrafi ayat suci Al-Quran dan ukiran bermotif bunga. Melawat **The Generalife**, sebuah istana rehat musim panas diraja yang dihiasi dengan patio, kolam, pepohon yang menghijau, mata air dan deretan tiang yang dihubungkan ke Alhambra melalui laluan berbumbung. Lanskap taman ini yang terlalu indah pastinya membuatkan tetamu tidak akan melepaskan peluang untuk bergambar di sini. Selesai lawatan, tetamu bertolak ke **Cordoba** iaitu bandar yang pernah dikuasai Islam pada suatu masa dahulu. Setibanya di sana, tetamu akan dibawa makan tengahari dan melawat **Mezquita**, masjid-gereja yang dibina dengan senibina Islam terbaik di dunia. Dikenali sebagai Cathedral Mosque of Cordoba, masjid ini telah diubahsuai menjadi gereja setelah kejatuhan empayar Islam. Antara kesan masjid yang masih boleh dilihat termasuklah ukiran ayat suci Al-Quran di dinding masjid, tiang, menara dan mihrab. Lawatan diteruskan ke **Jewish Quarter**, sebuah kawasan kejiranan Yahudi yang diberi kebebasan beragama dan penempatan ketika pemerintahan Islam Almohad. Bukan sahaja dikelilingi oleh rumah yang dicat putih dan patio dengan bunga berwarna-warni, malah surau umat Islam di sini juga masih dikekalkan dan digunakan sehingga hari ini. Seterusnya melawat **Casa Andalusi**, sebuah rumah muzium dari kurun ke-12 yang mempamerkan budaya Islam semasa Zaman Pertengahan di Cordoba dan mozek peninggalan Rom. Bertolak ke **Seville** dan makan malam di sana sebelum mendaftar masuk hotel.



#### Hari 7 SP + MT + MM

##### SEVILLE - LISBON

Sarapan pagi di hotel. Memulakan lawatan di kota Seville yang dahulunya merupakan ibu kota di rantau Andalusia. Melawat **Plaza de Espana**, bangunan yang cukup menarik reka bentuknya yang terletak di dalam kawasan **Maria Luisa Park** dan terdapat kolam air pancur besar di tengahnya dan lukisan sepanjang tembok yang menceritakan sejarah kegemilangan Sepanyol. Seterusnya melawat **Seville Cathedral**, gereja berseni bina Gothic yang terbesar di dunia. Gereja ini pada asalnya merupakan masjid yang dibina semasa pemerintahan Almohad, sebelum diruntuhkan dan dibina semula sebagai gereja Roman Katolik setelah kejatuhan empayar Islam dengan menara asal masjid tersebut yang bernama **Giralda Tower** masih utuh berdiri di sebelahnya termasuklah **Orange Tree Courtyard** yang merupakan sebahagian dari peninggalan masjid tersebut. Melawat **Santa Cruz Quarter**, kawasan kejiranan bersejarah Zaman Pertengahan dan bersebelahan dengan **Real Alcazar** yang dahulunya sebuah istana pemerintahan milik kerajaan Islam Moorish. Kemudian tetamu akan dibawa makan tengahari dan solat di **Seville Mosque** sebelum bertolak menuju ke ibu negara Portugal iaitu **Lisbon**. Makan malam dan daftar masuk hotel.



## Hari 8 SP + MT + MM LISBON - SINTRA

Selepas bersarapan pagi di hotel, tetamu akan dibawa bersiar-siar di sekitar bandar **Lisbon**, bandar tertua di Barat Eropah melebihi kota Rome, Paris dan London. Melawat **Rossio Square**, dataran paling meriah di Lisbon yang dikelilingi oleh air pancut Baroque, monumen dan tugu bersejarah serta bangunan **Dona Maria II National Theatre**. Berhenti berfoto di **Jeronimos Monastery**, sebuah biara dengan seni bina Portugis-Gothic Manueline terunggul yang menyimpan makam Vasco da Gama, penjelajah Portugis yang merupakan orang pertama belayar secara langsung dari Eropah ke India. Melawat **Belem Tower**, menara kubu pertahanan yang dibina pada abad ke-16 dan **Monument to the Discoveries** yang dibina setinggi 171 kaki berbentuk seakan-akan kapal pada tahun 1940 untuk meraikan pencapaian penjelajah Portugis. Selepas itu, tetamu akan dibawa makan tengahari di restoran dan bertolak menuju ke **Sintra** untuk melawat **Palace Da Pena**, sebuah istana berwarna terang dan dihiasi dengan binaan kubu dan patung mitos, merupakan salah satu tarikan pelancong ke Portugal dengan contoh senibina terbaik Romantisisme dari kurun ke-19. Makan malam dan daftar masuk hotel.



## Hari 9 SP + MT + MM LISBON - CARERES - MADRID

Sarapan pagi dan bertolak ke Madrid melalui **Caceres**. Singgah melawat **Old Town of Cáceres** di Sepanyol, sebuah kota lama yang pernah diduduki oleh Rom, Arab, Yahudi dan Kristian. Pengaruh dan kesan peninggalan budaya yang pelbagai ini dapat diperhatikan daripada senibinanya yang merupakan campuran gaya Rom, Islam, Northern Gothic dan Renaissance Itali. Disenaraikan sebagai UNESCO World Heritage Site, kota lama ini sememangnya bagaikan sebuah permata yang tersembunyi, jauh dari hiruk pikuk bandar. Makan tengahari di restoran tempatan dan meneruskan perjalanan ke Madrid. Makan malam dan daftar masuk hotel setibanya di sana.



## Hari 10 SP + MT + MM MADRID - TOLEDO

Bersarapan pagi di hotel. Bertolak ke kota **Toledo** yang cukup kaya dengan warisan sejarah dan budaya serta keharmonian komuniti Muslim, Kristian dan Yahudi yang hidup dengan aman tanpa konflik dan peperangan pada ketika dulu. Melawat **Alcazar of Toledo**, kubu dengan 4 buah menara di setiap sisi yang terletak di bahagian tertinggi di Toledo dan pernah digunakan sebagai istana Rom semasa kurun ke-3. Lawatan diteruskan ke **Mosque of Cristo de la Luz**; masjid yang berusia lebih 1000 tahun juga dikenali dengan nama Arab Bab Al-Mardum Mosque yang dibina semasa pemerintahan Moorish sebelum ditukarkan menjadi gereja, **Puerta Bab Al-Mardum**; pintu gerbang kota Toledo yang dibina pada abad ke-10 dan **Alcantara Bridge** yang sangat cantik senibinanya, dibina oleh Rom pada Zaman Pertengahan merentasi Sungai Tagus. Kemudian, masa bebas membeli cenderamata dan Marzipan, kuih tradisional masyarakat Sepanyol yang cuma terdapat di **Zocodover Square** sebelum bertolak pulang ke kota Madrid untuk makan tengahari dan bersolat di **Abu Bakr Mosque**. Seterusnya, tetamu akan dibawa melawat di sekitar kota metropolis **Madrid**. Berhenti bergambar di hadapan ikon bandar iaitu **Royal Palace**, istana kediaman rasmi kerabat diraja Sepanyol dengan seni bina Baroque yang tersohor, melepasi Prado Museum yang menempatkan karya seni Eropah terhebat dari abad ke-12 hingga ke-20, **Cibeles** dan **Neptune Fountains** iaitu 2 kolam air pancut yang terletak berhadapan dan berdekatan dengan **Plaza de la Cibeles**; dataran dengan kompleks bercirikan seni bina Neo-classic dan juga **Puerta de Alcalá** yang merupakan pintu gerbang yang megah berdiri di Plaza de la Independencia dan dibina oleh Raja Carlos III pada kurun ke-18 dan kawasan **Puerta del Sol** yang merupakan pusat ekonomi dan membeli-belah kota ini. Melawat stadium yang cukup terkenal dalam kalangan peminat bola sepak iaitu **Estadio Santiago Bernabeu**, stadium rasmi pasukan bola sepak Real Madrid. Tetamu berpeluang mengambil gambar panorama dalam stadium ini di **Panorama Cafe** sambil menikmati secawan kopi. Makan malam dan pulang ke hotel.



## Hari 11 SP MADRID - ISTANBUL

Setelah sarapan pagi, masa untuk membeli-belah di **Las Rozas Village**, sebuah kawasan membeli-belah barangan berjenama antarabangsa seperti Armani, Coach, Ralph Lauren yang menawarkan diskaun sehingga 60%. Bertolak menuju ke Barajas Airport Madrid untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.



## Hari 12 ISTANBUL - KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

## JADUAL PENERBANGAN DAN HARGA PAKEJ

TRUKISH AIRLINES



| HARI | PESAWAT | SEKTOR                  | ETD  | ETA  |
|------|---------|-------------------------|------|------|
| 01   | TK 61   | KUALA LUMPUR - ISTANBUL | 2355 | 0620 |
| 02   | TK 617  | ISTANBUL - CASABLANCA   | 1050 | 1305 |
| 11   | TK 1860 | MADRID - ISTANBUL       | 1745 | 0010 |
| 12   | TK 60   | ISTANBUL - KUALA LUMPUR | 0155 | 1720 |

|          |    |
|----------|----|
| JANUARI  | 27 |
| FEBRUARI | 10 |
| MAC      | 24 |

| Kategori Harga                   | Dewasa Bilik Seorang | Dewasa Bilik Berdua | Kanak-Kanak Bilik Berdua | Kanak-Kanak Berkatil | Kanak-Kanak Tanpa Katil |
|----------------------------------|----------------------|---------------------|--------------------------|----------------------|-------------------------|
| Harga Normal                     | RM 10,190            | RM 8,790            | RM 8,490                 | RM 7,090             | RM 6,190                |
| <b>BELIAN JIMAT! TRAVEL FAIR</b> | <b>RM 9,690</b>      | <b>RM 8,290</b>     | <b>RM 8,090</b>          | <b>RM 6,690</b>      | <b>RM 5,790</b>         |

## HOTEL PENGINAPAN

| DESTINASI | TARAF | HOTEL                            |
|-----------|-------|----------------------------------|
| MARAKESH  | ★★★★  | Mogador Gueliz / setaraf         |
| RABAT     | ★★★★  | Rihab Hotel / setaraf            |
| TANGIER   | ★★★★  | Hotel Atlas Almohades / setaraf  |
| GRANADA   | ★★★★  | Macia Condor Hotel / setaraf     |
| SEVILLE   | ★★★★  | Hilton Garden Hotel / setaraf    |
| LISBON    | ★★★★  | TRYP Costa de Caparica / setaraf |
| MADRID    | ★★★★  | Hotel Praga / setaraf            |

## PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcay minyak dan segala cukai penerbangan.
- Hotel penginapan bertaraf 4\* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan).
- Cukai bandar (city tax) di Granada, Seville, Lisbon dan Madrid.
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sesuai Muslim sepanjang lawatan.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Bahia Palace, Mezquita, Alhambra Palace, Generalife dan Palace Da Pena.
- Pengangkutan feri laju dari Tangier ke Tarifa.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Melayu/Inggeris beragama Islam yang berpengalaman sepanjang lawatan.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Percuma edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Percuma sebotol air mineral seorang setiap hari sepanjang lawatan.

## PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Insurans kembara (travel insurance) – sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcay tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

## PEMBAYARAN & DEPOSIT

- Deposit diperlukan selepas 5 hari tempahan disahkan.
- Pembayaran baki harga penuh pakej perlu dilakukan 45 hari sebelum berlepas.
- Sekiranya pembayaran penuh gagal dilakukan dalam tempoh tersebut, Selamat Bercuti berhak membatalkan tempahan tersebut dan mengenakan caj admin mengikut jadual.

| HARGA PAKEJ       | DEPOSIT | BAYARAN DEPOSIT                  | BAYARAN PENUH            | CAJ ADMIN |
|-------------------|---------|----------------------------------|--------------------------|-----------|
| Bawah RM 1999     | RM 300  | 5 hari selepas tempahan disahkan | 45 hari sebelum berlepas | RM 150    |
| RM 2000 – RM 3999 | RM 500  |                                  |                          | RM 250    |
| RM 4000 – RM 5999 | RM 1000 |                                  |                          | RM 500    |
| RM 6000 – RM 7999 | RM 1500 |                                  |                          | RM 700    |
| RM 8000 & ke atas | RM 2000 |                                  |                          | RM 1000   |

- Semua pelanggan hendaklah mengemukakan bukti pembayaran secara Fax / email kepada kami.
- Bukti pembayaran bukanlah bukti penerimaan sehinggalah berjaya disahkan.
- Sila rujuk kepada terma & syarat tempahan Wan Vacation Sdn Bhd bagi maklumat pembatalan dan lain-lain.

**NO. AKAUN****NAMA BANK****NAMA AKAUN**

5647 6230 1896

MAYBANK BERHAD WAN VACATION SDN BHD

**MEDIUM TEMPAHAN****IBU PEJABAT****Laman Web**[www.selamatbercuti.com](http://www.selamatbercuti.com)**Panggilan Telefon**

Toll Free : 1800 18 2884 (CUTI)

**E-Mail**[booking@selamatbercuti.com](mailto:booking@selamatbercuti.com)**Alamat**221-1, Jalan Sarjana  
Taman Connaught  
56000 Kuala Lumpur, Malaysia**Waktu Operasi**Isnin - Jumaat 9 pagi - 5.30 petang  
Sabtu 9 pagi - 1 tengah hari  
Ahad Cuti